



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI JOHOR

ARAS 1 & 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK

KOTA ISKANDAR 79503 ISKANDARPUTERI

IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor bagi jawatan berikut :-

Nama Jawatan	: Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19
Taraf Jawatan	: Kontrak
Klasifikasi Perkhidmatan	: KEWANGAN (W)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Kekosongan	: 2

SYARAT LANTIKAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 :

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W 19 : RM1,353.00); atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W 19 : RM1,409.40); atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W 19 : RM1,409.40); atau
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W 19 : RM1,465.80); atau
 - v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W 19 : RM1,465.80).

SYARAT BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN :-

1. Permohonan hendaklah dengan dilakukan secara dalam talian di <https://jawatan.johor.gov.my>
2. **TARIKH BUKA PERMOHONAN : 24 MEI 2023 (9.00 PAGI)**
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 5 JUN 2023 (11.00 MALAM)
3. **Catatan am :**
 - i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan / senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan **sekiranya dipanggil temuduga**, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir, **secara fizikal**.
 - iii. Cetakan borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga.
 - iv. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
 - v. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.
 - vi. Semua permohonan hendaklah disertakan salinan semakan pengiktirafan Sijil/ Diploma/ Ijazah daripada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau Malaysian Qualification Register (MQR) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/mqr>

